

PSIKOSUFISTIK SEBAGAI ALTERNATIF MENANGANI GEJALA VIRALISME MUSLIM: TINJAUAN AWAL

A PSYCHOSUFISTIC APPROACH AS AN ALTERNATIVE IN ADDRESSING MUSLIM VIRALISM: A PRELIMINARY REVIEW

Ahmad Huzaifah Mohamad Halim^{1*}

Safiah Abd Razak²

Siti Marsitah Mokhtar³

Norazmi Anas⁴

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia
(Email: ahmadhuzaifah57@yahoo.com)

²Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia
(Email: safiah@unipsas.edu.my)

³Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia
(Email: sitimarsitah@unipsas.edu.my)

⁴Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, Perak, Malaysia

(E-mail: norazmianas@uitm.edu.my)

*Corresponding author: ahmadhuzaifah57@yahoo.com

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Mohamad Halim, A. H., Abd Razak, S., Mokhtar, S. M., & Anas, N. (2025). Psikosufistik sebagai alternatif menangani gejala viralisme Muslim: Tinjauan awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 342 - 351

Abstrak: Kemudahan media sosial telah membuatkan lebih banyak berlakunya gejala viralisme atau penularan berita palsu serta fitnah di alam maya. Istilah viralisme boleh dikaitkan dengan sesuatu yang membabitkan penyebaran maklumat dan perkongsian cerita ataupun pendapat mengenai pelbagai perkara dihasilkan oleh seseorang kemudian disebarkan menerusi media sosial sehinggalah berita tersebut dikongsi secara berterusan. Gaya hidup masa kini menyaksikan pengguna media sosial menyebarkan berita tanpa batas sempadan dan tidak menilainya dengan neraca adab dan akhlak termasuklah dalam kalangan pengguna Muslim. Dalam situasi ini, maka gejala viralisme akhirnya menjadi virus yang membawa kepada perpecahan masyarakat dan menggugat keharmonian institusi sosial. Gejala viralisme ini hakikatnya bertentangan dengan ajaran adab Islam yang murni kerana Islam menjunjung tinggi akhlak terpuji. Maka, tinjauan awal ini mencadangkan psikosufistik sebagai alternatif dalam menangani gejala viralisme Muslim. Psikosufistik menekankan lima (5) nilai utama bertunjangkan pemikiran Ibnu Atha'illah al-Sakandari dalam kitab al-Hikam iaitu (i) Nilai ketauhidan, (ii) Nilai kemanusiaan, (iii) Nilai kerendahan hati, (iv) Nilai kearifan tempatan dan (v) Nilai perubahan diri. Nilai-nilai yang menjadi prinsip tasawuf tersebut menjadi landasan dalam membentuk keperibadian Muslim yang beriman, bertaqwa dan berakhlak mulia. Pemahaman terhadap iman, taqwa dan akhlak mulia merupakan dasar pembentukan pola pandangan, sikap dan perilaku seorang Muslim.

Kata Kunci: *Psikosufistik, Alternatif, Gejala Viralisme, Muslim, Tinjauan Awal*

Abstract: *The convenience of social media has led to the increasing occurrence of the phenomenon of 'virality' or the spread of fake news and slander in the digital realm. The term 'virality' can be associated with the dissemination of information and the sharing of stories or opinions on various matters, created by someone and then spread through social media until the news is continuously shared. Today's lifestyle sees social media users spreading news without boundaries and without evaluating it through the lens of manners and ethics, including among Muslim users. In this situation, the phenomenon of virality ultimately becomes a 'virus' that leads to societal division and disrupts the harmony of social institutions. This phenomenon of virality is contrary to the noble teachings of Islamic etiquette, as Islam highly upholds commendable character. Therefore, this preliminary observation suggests psychosufism as an alternative approach in addressing the phenomenon of Muslim virality. Psychosufism emphasizes five (5) core values rooted in the thoughts of Ibn Atha'illah al-Sakandari in his book *al-Hikam*, namely: (i) the value of monotheism, (ii) the value of humanity, (iii) the value of humility, (iv) the value of local wisdom, and (v) the value of self-transformation. These values, which are the principles of Sufism, serve as a foundation in shaping a Muslim personality that is faithful, pious, and of noble character. Understanding faith, piety, and noble character forms the basis for shaping a Muslim's worldview, attitude, and behavior.*

Keywords: *Psychosufistics, Alternatives, Symptoms of Viralism, Muslims, Preliminary Review*

Pengenalan

Psikosufistik hakikatnya adalah berkait rapat dengan psikologi dan bidang ilmu tasawuf yang bertujuan untuk membersihkan jiwa dan membentuk akhlak mulia di samping membina hubungan yang baik dengan Allah dan sesama manusia. Melalui bidang ilmu psikosufistik, seseorang Muslim berupaya mengenali keburukan nafsu kerana hawa nafsu merupakan punca kepada pelbagai perbuatan maksiat seperti ujub, takbur, dengki, marah dan sebagainya. Psikosufistik dilihat memainkan peranan penting dalam menangani krisis yang melanda masyarakat Islam seperti gejala viralisme yang telah memberikan impak yang negatif kepada kesejahteraan kehidupan khususnya masyarakat Muslim. Punca wujudnya gejala viralisme adalah perkembangan kemajuan moden, impak negatif modenisasi dapat dirasai dengan sikap cintakan dunia yang melahirkan materialisme dan hedonisme yang berlaku dalam pelbagai lapisan masyarakat. Pengaruh kecanggihan teknologi hasil kemajuan industri dan perkembangan sains Barat menjadikan sebahagian besar orang beriman gagal membezakan antara kebenaran dan kebatilan. Arus modenisasi dan globalisasi juga membebaskan manusia daripada belenggu serta keterikatan terhadap ajaran agama, nilai-nilai spiritual, adat istiadat dan sebagainya. Akibatnya manusia secara individu merasa berhak atas segalanya dan bebas menentukan nasibnya sendiri secara rasional tanpa ikatan agama mahupun norma masyarakat.

Kemajuan teknologi komunikasi yang sentiasa berkembang dalam era moden ini telah memberikan impak positif kepada kehidupan masyarakat era moden. Teknologi komunikasi yang dicapai hakikatnya telah memudahkan urusan kehidupan sesama manusia. Maklumat dan banyak perkara mampu disampaikan dan diselesaikan dalam tempoh yang cepat (Hamizi, 2023). Walaubagaimanapun kecanggihan teknologi komunikasi juga memberikan kesan negatif kepada masyarakat antaranya adalah meluasnya gejala viralisme. Istilah viralisme boleh dikaitkan dengan sesuatu yang membabitkan penyebaran maklumat dan perkongsian cerita ataupun pendapat mengenai apa sahaja perkara dihasilkan oleh seseorang kemudian disebar

menerusi media sosial sehinggalah berita tersebut dikongsi secara berterusan. Gaya hidup masa kini menyaksikan pengguna media sosial menyebarkan berita tanpa batas sempadan dan tidak menilainya dengan neraca adab dan akhlak termasuklah dalam kalangan pengguna Muslim di Malaysia. Dalam situasi ini, gejala viralisme akhirnya menjadi virus yang membawa kepada perpecahan masyarakat dan menggugat keharmonian institusi sosial (Mustafa, 2015). Penularan gejala viralisme telah mencetuskan berita-berita berbaur fitnah dan provokatif terutamanya semasa dan selepas PRU sepertimana dinyatakan oleh Tapsell (2023) dan Hassim et al. (2022) bertujuan menjatuhkan lawan masing-masing. Situasi tidak sihat ini sangat bertentangan dengan undang-undang serta perlembagaan Malaysia khususnya bercanggah dengan akhlak Islam yang menjadi salah satu asas ajaran Islam itu sendiri selain akidah dan syariah.

Gejala viralisme turut berlaku dalam penyebaran maklumat hadis palsu. Ia bermula dari asas manual lisan dan diikuti dengan penulisan, perkongsian dan penyebaran maklumat tentang ilmu hadis kini dengan menggunakan media sosial (Abdul Jamil et al., 2024). Kandungan hadis sedia ada dalam talian tersebut diperoleh daripada sumber yang berbeza. Justeru, mengubah dan mengada-adakan hadis yang adalah sangat berpotensi untuk dilaksanakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh itu, pengesahan kandungan hadis yang tersedia dalam talian ini adalah tugas yang penting dan mencabar serta menjadi bidang kajian utama dalam Islam (Usman & Nasir, 2022). Gejala viralisme ini hakikatnya bertentangan dengan ajaran adab Islam yang murni kerana Islam menjunjung tinggi akhlak terpuji. Islam menolak perbuatan keji seperti viralisme. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya orang-orang yang suka menghebahkan tuduhan-tuduhan yang buruk dalam kalangan orang-orang yang beriman, mereka akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedang kamu tidak mengetahui (yang demikian)”* (An-Nur, 19). Berdasarkan maksud firman Allah SWT di atas, jelas menunjukkan bahawa gejala viralisme iaitu penyebaran berita palsu, fitnah, provokasi & penipuan sangat ditegah dalam ajaran Islam. Tambahan pula penyebaran gejala ini akan menjejaskan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan dasar Malaysia Madani melalui komitmen kerajaan untuk membangunkan masyarakat rahmah yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan kebendaan hasil semaian nilai-nilai murni kekeluargaan.

Pendekatan psikosufistik dilihat mampu mengatasi permasalahan gejala viralisme. Psikospiritual Islam merujuk kepada pemikiran atau kajian yang mengintegrasikan unsur psikologi dan kerohanian tasawuf dalam Islam. Psikospiritual Islam juga boleh difahami sebagai satu konsep dan akhlak kaedah perawatan penyakit mental, spiritual, emosi mahupun perilaku moral bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, amalan para salafus saleh dan ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip syariah (Waliyuddin, 2021). Psikospiritual Islam juga sering kali disinonimkan dengan psikologi Islam. Psikologi disebut sebagai *ilm al-nafs* ataupun *ilm al-ruh* dalam bahasa Arab. Psikospiritual Islam ataupun psikologi Islam mempunyai hubungan yang erat dengan persoalan jiwa, perilaku dan kebahagiaan manusia. Bagi tujuan mencapai kebahagiaan, maka usaha-usaha terapi diperlukan untuk merawat dan memulihkan jiwa, spiritual, mental, emosi dan juga perilaku. Pendekatan sufi iaitu melalui aspek pentarbiyahan dan penekanan berkaitan kerohanian khususnya elemen-elemen muraqabah misalnya dapat mengukuhkan keyakinan dalam jiwa bahawa Allah Maha Melihat akan perbuatan hamba Nya. Kesannya manusia akan terjaga daripada melakukan maksiat dan dosa kerana takut kepada Allah SWT (Nur, 2020). Viralisme ini juga sebenarnya mampu diatasi sekiranya masyarakat dapat memahami kesan penyebaran berita sama ada dari segi dosa pahala malahan impak buruk kepada sasaran yang terlibat. Proses dalam memberi, menerima dan

menyebarkan sesuatu kandungan yang mempunyai entiti yang bersifat viral ini haruslah dinilai mengikut persepsi nilai agama, adab dan logik akal yang waras (Mustafa, 2015).

Sorotan Kajian

Terdapat pelbagai kajian dilakukan oleh sarjana Islam berkaitan Psikosufistik. Kajian (Hazdiq, 2005) merumuskan bahawa ilmu Psikosufistik merupakan bidang ilmu tentang tingkah laku manusia melalui konsep pembangunan berasaskan paradigma tasawuf yang berasaskan al-Quran dan hadis. Psikosufistik mengutamakan perkembangan potensi batin atau rohani ke arah kesedaran psikologi agar sentiasa dekat kembali dengan-Nya. Tasawuf dan psikologi secara asasnya ada memiliki persamaan, yakni keduanya sama-sama menangani permasalahan kejiwaan. Sejak kedatangan Islam, Islam memfokuskan pengkajian berkaitan perbaikan jiwa seseorang mencapai perilaku yang lebih mulia dan ketenteraman hidup melalui bidang tasawuf. Tasawuf memiliki konsep sifat-sifat kejiwaan, seperti khauf, mahabbah, redha, zikir, zuhud dan sebagainya. Kajian Hamka (2015) dan Farmawati et al. (2019) pula menyimpulkan bahawa bidang tasawuf merupakan kaedah dan membimbing manusia terhadap kesihatan jiwa seseorang baik perubatan mahupun bukan perubatan. Sekiranya jiwa itu sihat, maka akan terpancar sinar kesihatan ke dalam mata dan dari sana terpancar nur yang cemerlang, timbul dari jiwa yang tidak sakit. Demikian juga kesihatan tubuh, membuka fikiran, mendidik fikiran, juga menyebabkan kebersihan mental. Ulama tasawuf menyusun kaedah mendekatkan diri kepada Allah berupa peringkat dalam latihan *Riyadhah* (rohani) terdiri dari tiga tahap, yakni *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli*, manakala hasil kajian oleh Fauzi (2018) dan Waliyuddin (2021) merumuskan bahawa pendekatan psikologi yang berteraskan nilai-nilai tasawuf dikenali sebagai psikosufistik mampu membentuk potensi kemanusiaan ke arah lebih baik dan berakhlak. Terdapat tujuh (7) tahap psikosufistik yang berupaya mengoptimalkan karakter seseorang bagi memperoleh kecerdasan spiritual iaitu (i) Musyārathah, (ii) Murāqabah, (iii) Muhāsabah, (iv) Mu'āqabah, (v) Mujāhadah, (vi) Mu'ātabah dan (vii) Mukāsyafah. Hasil kajian juga menyatakan bahawa kerangka tiga (3) rukun utama Tazkiyyah al-nafs iaitu *takhalli* (pembersihan jiwa dari sifat tercela), *tahalli* (mengisi jiwa dengan sifat terpuji) dan *tajalli* (pembuktian kebesaran dan kehebatan Allah SWT yang disusun dan ditekankan oleh Al-Ghazali adalah saling melengkapi dalam pembangunan personaliti Muslim yang unggul (Zakaria & Aziz, 2024).

Kajian yang dilakukan oleh Raharusun (2021) pula menjelaskan bahawa Psikosufistik merupakan tingkatan spiritual asas dalam jiwa manusia sejak ia diciptakan lagi yang menjadi model utama pendidikan kekeluargaan Muslim. Pendekatan psikosufistik disandarkan pada ajaran al-Qur'an serta kaedah ajaran Islam. Model pendekatan psikosufistik diimplementasikan sebagai gambaran Al-Qur'an yang mendeskripsikan intipati pendidikan di lingkungan keluarga tentang akidah, tauhid, etika, moral, tawaduk, syukur serta amar ma'ruf nahi munkar. Pendekatan psikosufistik memberikan kesan positif terhadap perkembangan psikologi dan perilaku anak dalam lingkungan keluarga dan masyarakat. Seterusnya dapatan kajian oleh (Achmad, 2015) menyimpulkan bahawa psikosufistik Al-Ghazali berupaya menjadi asas dalam pembentukan karakter diri masyarakat moden masa kini berteraskan teori kehendak manusia kerangka psikosufistik Al-Ghazali. Muvid (2023) dalam kajiannya bertajuk Aktualisasi zikir tasawuf sebagai metode pendidikan spiritual, moral dan sosial bagi masyarakat moden. Dapatan kajian merumuskan bahawa zikir tasawuf sebagai alternatif untuk untuk membersihkan jiwa dan mendidik hati sehingga menjelmakan keperibadian dan akhlak mulia. Proses penyucian melalui tahap *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* sewajarnya dilaksanakan dengan khusyuk, istiqamah dan berulang-ulang agar memberikan kesan yang baik dan memuaskan. Seterusnya kajian oleh Sopyan (2024) membahaskan integrasi pendekatan psikosufistik yang berteraskan ilmu tasawuf

dan kaunseling Islam bagi membangunkan karakter peribadi Muslim. Hasil kajian merumuskan bahawa bidang psikosufistik memberi tumpuan kepada keupayaan Muslim menghadapi cabaran kehidupan dunia sehingga mampu membina hubungan yang lebih dekat dengan Allah SWT melalui tazkiyyah atau penyucian jiwa. Daripada sorotan kajian lepas di atas dapat disimpulkan terdapat banyak kajian yang mengkaji dan membahaskan konsep, peranan dan kepentingan ilmu psikosufistik dalam membantu menyelesaikan krisis masyarakat Islam. Namun belum ada kajian khusus yang mengkaji berkaitan potensi atau sumbangan ilmu psikosufistik dalam menangani gejala viralisme dalam kalangan masyarakat Muslim.

Konsep Psikosufistik

Psikosufistik menekankan lima (5) nilai utama bertunjangkan pemikiran Ibnu Atha'illah al-Sakandari dalam kitab al-Hikam iaitu (i) Nilai ketauhidan, (ii) Nilai kemanusiaan, (iii) Nilai kerendahan hati, (iv) Nilai kearifan tempatan dan (v) Nilai perubahan diri sebagai elemen yang dicadangkan bagi menangani gejala viralisme. Ia bagi memberikan makna yang jelas terhadap istilah psikosufistik yang digunakan dalam kajian ini dan bagaimana ia berfungsi sebagai elemen kerohanian yang mampu menangani gejala viralisme.

Pertama, nilai ketauhidan. Penanaman nilai-nilai tauhid akan menjadi dasar pembentukan kesedaran ilahiyah manusia, bahawa hanya kepada Allah SWT manusia beribadah, memuja, dan bersandar sehingga akan mengikatkan diri secara kuat dengan Allah SWT. Segala aktiviti apapun dalam kehidupan manusia, hati dan fikiran akan selalu terikat (kumantil) kepada Allah SWT. Orang boleh sibuk bekerja dan mengejar kerjaya, tekun belajar dan mengembangkan ilmu pengetahuan, aktif dalam pelbagai kegiatan kemasyarakatan, organisasi, atau pemerintahan, namun semua harus dikembalikan bahawa disebalik sebuah kejayaan, proses kehidupan, dan hasil akhir dari sebuah pencarian ada kehendak Allah SWT dan hanya kepada-Nya segala aktiviti dan kehendak manusia tertumpu. Prinsip ketauhidan ini sebagaimana yang dijelaskan Kautsar Noer dalam menjelaskan tasawuf. Noer menjelaskan bahawa hakikat tasawuf adalah sebuah jalan kerohanian yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah untuk menuju Allah SWT, membentuk akhlak mulia, dengan tetap setia terhadap syariat, dan membina keseimbangan antara aspek-aspek lahiriah dan batiniah, material dan spiritual, duniawi dancukhrawi, berpihak kepada orang-orang lemah dan tertindas. Ketauhidan ini juga akan menjadi dasar pembentukan keperibadian yang seimbang.

Kedua, nilai kemanusiaan. Islam adalah agama yang bukan sahaja mewajibkan umatnya menyibukkan diri untuk beribadah secara vertikal sahaja dan mengenenipkan sisi kemanusiaan. Sisi kemanusiaan di sini adalah bahawa Islam juga sarat dengan ajaran untuk membangunkan kehidupan kemanusiaan secara seimbang baik dari sisi hubungan kehidupan sosial keluarga, kemasyarakatan, ekonomi, pendidikan, hukum, mahupun bidang kehidupan lain yang menjadi sebahagian daripada keperluan manusia sebagai makhluk bumi. Kesedaran akan nilai kemanusiaan membina kesedaran untuk berbuat kebajikan; saling menghormati dan menghormati antara satu sama lain, tolong-menolong antara satu sama lain dan kerjasama dalam kebaikan, mengutamakan kepentingan bersama, bertindak jujur, bertanggungjawab, dan memberi perlindungan kepada yang lemah.

Ketiga, nilai kerendahan hati (*low profile*). Sifat rendah hati merupakan sifat yang sangat ditekankan dalam ajaran tasawuf. Kerendahan hati akan mendidik individu untuk menyedari akan keberadaan diri dihadapan kewujudan Allah SWT sebagai Zat Maha Kuasa, Maha Memiliki, dan Zat Maha Berkehendak, sehingga akan menyedari bahawa dirinya dan sesamanya adalah sama di hadapan Allah baik seorang pegawai, jeneral, profesor, pengurus,

buruh, pekerja, mahupun seorang gelandangan, secara kemanusiaan adalah sama. Kesedaran tersebut akan menimbulkan jiwa yang lemah lembut, penuh kasih sayang, kebersamaan, dan memiliki rasa empati dalam pergaulan sosialnya.

Keempat, nilai kearifan tempatan (*local wisdom*). Kemuncak pencapaian hati seorang sufi adalah mencapai kebijaksanaan berdasarkan kekuatan rohani dan inilah antara ciri-ciri sikap seorang sufi yang membolehkannya hidup berdampingan dengan masyarakat yang datang dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Inayat Khan mengatakan bahawa sesiapa yang mencapai kebijaksanaan adalah ahli sufi kerana tasawuf itu sendiri bermaksud hikmah. Dalam konteks tasawuf yang mendasari pendekatan psikosufistik, adalah kearifan tempatan, yang mana sikap arif seorang sufi atau seorang guru menjadi sikap yang utama untuk memberi bantuan kepada masyarakat.

Kelima, nilai perubahan diri bahawa seorang yang beriman memiliki satu tujuan akhir yang hendak dicapai, yaitu dekat dengan Allah SWT. Transformasi diri dalam ajaran Tasawuf merujuk kepada konsep penyucian diri (*tazkiyatun nafs*) yang memerlukan tiga peringkat: tahalli, takhalli, dan tajalli. Tahalli, mengosongkan diri dari sifat-sifat tercela, seperti syirik, sombong, hasad dengki, suka mencela dan bersangka buruk. Takhalli, mengisi jiwa dengan sifat-sifat terpuji, seperti rendah hati, sabar, tawakkal, penuh kasih sayang, senang berbuat kebajikan. Selepas peringkat tahalli dan takhalli ia akan membawa seseorang ke peringkat tajalli, iaitu membina integrasi diri sebagai seorang yang telah merasai kehadiran Allah SWT.

Nilai-nilai yang menjadi prinsip Tasawuf tersebut di atas menjadi landasan dalam membentuk keperibadian Muslim yang beriman, bertaqwa, dan berakhlak mulia. Pemahaman iman, taqwa, dan akhlak mulia merupakan dasar pembentukan pola pandangan, sikap, dan perilaku seorang Muslim. Hal inilah yang menjadi tugas para da'i dalam mengembangkan pola komunikasinya dalam berdakwah, yakni memberi kefahaman kepada mad'u terhadap hakikat Islam sebagai agama Tauhid yang menyeimbangkan dengan sisi kehidupan sosial, budaya, dan pelbagai keperluan manusia dalam aspek jasmani dan rohani.

Gejala Viralisme

Arus kemodenan ini telah berlaku pelbagai perubahan dalam perkembangan teknologi semasa. Penggunaan telefon pintar dan media sosial merupakan salah satu perkara yang sangat penting bagi setiap manusia. Di samping memberikan kebaikan kepada pengguna, teknologi ini juga mempunyai keburukannya yang tersendiri antaranya meluasnya gejala viralisme. Kemudahan media sosial telah membuatkan lebih banyak berlaku gejala viralisme atau penularan berita palsu yang berterusan di media sosial kerana kebanyakan berita palsu datangnya daripada aplikasi Whatsapp, Twitter (X) dan Telegram. Media sosial merupakan saluran komunikasi digital yang digunakan oleh para pengguna untuk berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi dengan dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama (Andrew et al., 2020). Saluran komunikasi media sosial ini telah berkembang maju di setiap negara dan digunakan oleh semua pengguna antaranya menggunakan aplikasi Whatsapp, Instagram, Twitter dan Facebook. Aplikasi ini merupakan alat yang dapat menghubungkan antara satu sama lain dan membolehkan masyarakat menyebarkan maklumat yang tidak sahih kepada orang ramai. Orang ramai akan mula menyebarkan sehingga menyebabkan mangsa keadaan difitnah oleh masyarakat dan memberi kesan yang tidak elok kepada mereka.

Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada berlakunya isu viralisme ini terutamanya di media sosial seperti Instagram, Facebook, WhatsApp, Twitter (X) malah di Tiktok. Antara faktor-faktor yang dapat dikenalpasti adalah berpunca daripada individu dan pihak tertentu yang mementingkan diri sendiri demi neratif jahat dan populariti tanpa memikirkan impak kepada orang lain (Hussin, 2020). Fenomena ini amat membimbangkan akibat penyebaran berita palsu di media sosial secara besar-besaran. Perkara ini dianggap bahaya kerana masyarakat belum mempunyai kemampuan untuk mengesahkan kebenaran sesuatu berita. Oleh itu, berita palsu tetap mudah dipercayai oleh pelbagai kumpulan dan senang tersebar melalui media terutamanya dalam media sosial (Rusdiana, 2018). Media sosial juga boleh menjadi penyebab bagi beberapa elemen tertentu yang menyalahgunakan media untuk menyebarkan berita palsu atau tipuan. Oleh itu, sebagai penerima masyarakat maklumat mesti berhati-hati dan lebih teliti dengan maklumat orang ramai (Chumairah, 2020). Berita palsu ini merupakan berita yang tidak sahih yang telah ditularkan kepada orang ramai. Banyak berita palsu yang telah berlaku sebelum ini melibatkan pelbagai golongan masyarakat. Penularan berita palsu ini juga membolehkan seseorang menjadi salah seorang jenayah siber kerana mereka telah menyebarkan maklumat yang tidak benar ke dalam media sosial. Faktor mereka menyebarkan maklumat palsu kerana sifat dengki terhadap seseorang mahupun ketagihan mereka dalam menggunakan internet. Menurut Nasution (2017), penggunaan internet juga membawa kepada sikap yang salah iaitu mencipta dan menyebarkan berita palsu (penipuan) melalui media sosialnya dengan bantuan rangkaian internet. Ketagihan mereka menggunakan internet ini membuatkan mereka mempunyai perasaan ingin menyebarkan berita palsu di laman sesawang, blog mahupun di media sosial. Kemajuan media sosial ini yang membuatkan mereka diancam oleh masyarakat kerana berita yang tidak benar itu. Maka, penggunaan internet juga membawa kepada sikap yang salah iaitu mencipta dan menyebarkan berita palsu melalui media sosialnya dengan bantuan rangkaian internet.

Sehingga hari ini, kita melihat pelbagai usaha berterusan daripada pihak Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Pasukan Respon Pantas memperbetulkan fakta-fakta yang tidak sahih berkenaan isu viralisme. Isu berita palsu ini boleh ditangani melalui pendidikan berterusan oleh pihak tertentu seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui penerapan kesedaran sivik dan rohani dalam diri setiap individu. Mereka perlu diajar tentang kepentingan celik digital, menjadi pengguna bijak di laman sosial, menjadi pencipta kandungan dan pengguna yang bertanggungjawab serta tahu impak penyebaran berita palsu kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara dalam konteks lebih menyeluruh. Penyebaran berita palsu dikategorikan sebagai kes jenayah mengikut Akta Berita Palsu 2018, namun akta berkenaan sudah dimansuhkan kerana ia dianggap menghalang kebebasan media dan kebebasan bersuara yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan (Mohamed, 2018).

Gejala viralisme ini semakin meningkat pada zaman kini. Rakyat Malaysia lebih gemar berkongsi berita dan video yang di jumpai mereka di media massa. Penularan berita palsu boleh menjerumuskan seseorang kepada jenayah siber kerana mereka telah menyebarkan maklumat yang tidak benar ke dalam media sosial. Faktor yang mendorong mereka menyebarkan maklumat palsu antaranya ekoran sifat dengki terhadap seseorang atau ketagihan mereka dalam menggunakan internet. Gejala viralisme ini sangat membimbangkan seluruh masyarakat kerana mereka tidak mengetahui status perkara tersebut yang sebenarnya. Oleh itu, masyarakat Malaysia tidak boleh dipercayai berita yang telah dihantar oleh golongan yang tidak dipercayai. Sebelum menyebarkan kepada orang lain, mereka hendaklah melihat kesahihannya

di laman web ataupun hendaklah dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab agar maklumat atau berita itu tidak disampaikan kepada orang yang tidak bersalah. Gejala viralisme merupakan simptom akhlak tidak sihat dalam penyebaran berita atau informasi palsu, berbau fitnah dan provokasi serta gosip keterlaluan yang mengundang kesan negatif dalam masyarakat serta mencetuskan stigma kebimbangan awam (Peters et al., 2022). Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, tindakan menyebarkan berita palsu juga boleh menimbulkan suasana panik dalam kalangan masyarakat sehingga boleh menggugat keamanan negara (Jeffri et al., 2021). Perkara ini sangat membimbangkan masyarakat apabila menerima berita palsu yang tidak diketahui asal usulnya itu. Penerimaan berita palsu oleh masyarakat ini perlu disahkan dahulu sebelum menghantar kepada orang lain. Hal ini kerana, penghantar yang telah menyebarkan berita itu akan dihukum jika berita yang disebarkan itu palsu.

Menurut BERNAMA (2022) sebanyak 3285 aduan berkaitan berita palsu telah diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak tahun 2020 sehingga 31 Mei 2022, ditambah pula kajian persepsi yang dilakukan oleh Jabatan Penyelidikan Statista mendapati bahawa 70% responden bersetuju bahawa berita palsu banyak berlaku dalam platform digital seperti laman sesawang dan berita atas talian. Lebih parah lagi, dalam situasi pandemik COVID-19 dan Pilihanraya Umum (PRU) yang lalu, gejala ini terus menular menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat disamping penyebaran fitnah dan provokasi melampau yang mencetuskan ketegangan agama dan kaum (Abd Kadir, 2024). Masyarakat didapati hanya berseronok berkongsi berita yang diterima tanpa usul periksa dan tambahan pula masyarakat kurang peka tentang bahaya berita palsu dalam kehidupan seharian. Masalah ini dapat membuatkan mereka terus terlibat kepada kegiatan jenayah. Hamzah et al. (2020), merumuskan bahawa antara faktor yang menyebabkan timbulnya persepsi-persepsi palsu terhadap seseorang individu atau organisasi tertentu adalah kerana berita-berita palsu ini yang disebarkan dengan niat untuk mengeliru, memanipulasi dan mengapi-apikan perasaan rakyat. Berita-berita palsu ini juga telah mencetuskan fitnah dalam kalangan masyarakat yang sangat ditegah serta melanggar etika berkomunikasi dalam Islam.

Hamizi (2023) dalam kajiannya bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia” merumuskan bahawa media sosial telah mendatangkan impak negatif sekiranya berlaku penyalahgunaan terhadap media. Penyalahgunaan media sosial ini dapat mewujudkan isu-isu seperti jenayah siber, kebebasan bersuara tanpa batasan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi, isu agama dan sebagainya. Masyarakat juga menggunakan medium media sosial sebagai platform untuk menyatakan pandangan dan menzahirkan rasa tidak puas hati melalui perkataan-perkataan yang tidak bermoral. Maklumat bebas yang ada di dalam media sosial boleh mengganggu keharmonian dan ketenteraman masyarakat dalam sesebuah negara. Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil kerajaan bagi memastikan perkembangan dan kewujudan media baharu ini sentiasa dalam keadaan terkawal dan dapat mengurangkan penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat. Menurut Ma’ruf (2025), jaringan tanpa batas yang dihadirkan oleh media sosial bukanlah bermaksud kebebasan berpendapat, bereksperimen tanpa batas namun ia tetap memerlukan proses refleksi yang ditangani dengan bijak dan bertanggungjawab serta disertai dengan penghormatan adab yang mulia.

Berdasarkan sorotan literatur yang dibincangkan dapat disimpulkan bahawa terdapat banyak kajian telah dibuat berkaitan gejala viralisme samada dari sudut huraian konsep, kepentingan, kebaikan malah kelemahan dan impak negatif viralisme serta langkah-langkah

menanganinya. Namun demikian pengkaji dapati masih belum ada kajian khusus berkaitan pendekatan keupayaan psikosufistik dalam menangani masalah viralisme yang semakin berleluasa hari ini. Kajian ini diharapkan dapat memberi pengetahuan dan mendidik warga Muslim untuk menggunakan media sosial dengan adab-adab yang diredhai Allah SWT.

Kesimpulan

Gejala viralisme perlu dibanteras secara tuntas. Saban hari pelbagai kesan viralisme atau penyebaran berita palsu berkaitan pelbagai perkara seperti politik, Kesihatan, perkauman dan agama disebarkan di alam maya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tiadanya unsur jati diri tasawuf dan penguatkuasaan yang tegas menyebabkan penyebaran ini berleluasa dan mengganggu ketenteraman masyarakat Muslim. Senario ini memberikan dampak negatif yang merencatkan pertumbuhan dan ketidakstabilan negara. Justeru, semua pihak perlu bergandingan dalam usaha menangani gejala viralisme Muslim. Sememangnya penting untuk masyarakat cerdas teknologi komunikasi dan maklumat, namun perlu diguna secara etika, berhemah dan bermanfaat keperluan mengikuti garis panduan agama dan undang-undang. Ini kerana akan menimbulkan kegusaran dan ketidakharmonian dalam masyarakat Muslim serta menjadi barah yang sukar ditangani kelak.

Rujukan

- Abd Kadir, F. (2024, Januari 23). *Henti sebar kebencian, provokasi agama di media sosial*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/657289/berita/nasional/henti-sebar-kebencian-provokasi-agama-di-media-sosial>
- Abdul Jamil, K., Abd Aziz, A. N., & Syed Hassan, S. N. (2024). Penyebaran hadis palsu melalui media sosial: Punca dan akibat. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5 (2024), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 20–23 Januari 2024*, 104–128.
- Achmad, U. (2015). Teori kehendak manusia perspektif psikosufistik al-Gazali. *Konseling Religi*, 6(2), 253–276.
- Andrew, F. T., Tahir, Z., Malek, J. A., & Yusof, A. R. M. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia. *e-BANGI*, 17(9), 126–139.
- BERNAMA. (2022, Jun 1). 3285 fake news complaints lodged between 2020 and May 31, 2022 – MCMC. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=2092039>
- Chumairoh, H. (2020). Ancaman berita bohong di tengah pandemik Covid-19. *Vox Populi*, 3(1), 22–30.
- Farmawati, C., Ula, M., & Zaduqisti, E. (2019). Konseling sufistik untuk mengatasi kecemasan menghadapi kematian (Studi kasus pada lansia terlantar di RPSBM Kota Pekalongan). *Esoterik: Jurnal Akhlak dan Tasawuf*, 5(1), 126–144.
- Fauzi, A. (2018). Psikosufistik pendidikan Islam dalam perspektif pemikiran Syekh Ibnu Atha'illah. *Intelektual: Jurnal Pendidikan dan Studi Keislaman*, 8(2), 229–240.
- Hadziq, A. (2005). *Rekonsiliasi psikologi sufistik dan humanistik*. Rasail.
- Hamizi, M. A. F. M. (2023). Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 15, 24–37.
- Hamka. (2015). *Tasawuf moden*. Republika Penerbit.
- Hamzah, S., Ani, F., Rameli, N., Nor, N. M., Halim, H., Rahman, R., ... & Kamri, K. A. (2020). Impak penyebaran berita palsu melalui media sosial terhadap masyarakat: Kajian kes mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 1(1), 55–63.

- Hassim, M. N., Mohamad Nasir, N. N., & Ramli, S. M. (2022). Media framing on headline news of the COVID-19 issues in Malaysia: A study of Malaysiakini and Astro Awani. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9), 1882–1892.
- Hussin, Z. (2020, Mei 18). Tak perlu jadi hero viral. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/05/574327/tak-perlu-jadi-hero-viral>
- Jeffri, U. H., Mahamood, A. F., Manaf, A. R. A., Ramli, A. J., & Kastriafuddin, T. (2021). Fenomena berita palsu dalam media sosial sepanjang musim perintah kawalan pergerakan di Malaysia. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business*, 5(16), 50–80.
- Ma'ruf, H. (2025, Januari 5). *Media sosial: Ruang bebas atau jerat kebebasan berpendapat?* Geotimes. <https://geotimes.id/opini/media-sosial-ruang-bebas-atau-jerat-kebebasan-berpendapat/>
- Mohamed, D. (2018, Disember 19). Berita palsu dan penyelesaian undang-undang. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/503996/berita-palsu-dan-penyelesaian-undang-undang>
- Mustafa, A. F. (2015, Mei 6). Jangan cepat melatah, emosional tangani isu viral. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/05/58072/jangan-cepat-melatah-emosional-tangani-isu-viral>
- Muvid, M. B. (2023). Aktualisasi zikir tasawuf sebagai metode pendidikan spiritual, moral dan sosial bagi masyarakat postmodern. *Refleksi*, 22(2), 303–322.
- Nasution, C. (2019). Kajian hukum model literasi media dalam menganalisa informasi berita palsu (hoax) pada media sosial. *Jurnal Hukum Responsif*, 7(2), 157–170.
- Nur, S. M. (2020). Revolusi mental dalam perspektif al-Quran. *Jurnal Studi Agama*, 4(1), 79–91.
- Peters, M. A., Jandrić, P., & McLaren, P. (2020). Viral modernity? Epidemics, infodemics, and the 'bioinformational' paradigm. In *Pandemic education and viral politics* (pp. 9–40). Routledge.
- Raharusun, A. S. (2021). Kajian psikosufistik terhadap penciptaan manusia dalam Islam. *Syifa Al-Qulub: Jurnal Studi Psikoterapi Sufistik*, 6(1), 1–9.
- Rusdiana, I. (2018). Kognisi pembaca berita palsu (fake news) di media dalam talian. *Kodifikasi: Jurnal Penelitian Islam*, 12(2), 185–196.
- Sopyan, I. (2024). *Konseling paradigma psikosufistik untuk menangani dekadensi moral dan spiritual era Society 5.0* (Tesis kedoktoran, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati Bandung).
- Tapsell, R. (2023). New media, old rule in Malaysia. In *Regime resilience in Malaysia and Singapore* (pp. 129–143).
- Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran hadis palsu dalam penerbitan di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat. *HADIS*, 12(23), 34–50.
- Waliyuddin, M. N. (2021). Pendidikan nilai perspektif psikosufistik (Integrasi psikologi dan tasawuf dalam mengembangkan spiritualitas dalam pendidikan). *Syifa Al-Qulub: Jurnal Studi Psikoterapi Sufistik*, 5(2), 87–96.
- Zakaria, H., & Aziz, M. F. (2024). Tazkiyyat al-nafs dan kepentingannya dalam menghapuskan sifat mazmumah dan menghidupkan sifat mahmudah dalam diri. In *Proceeding Global Vocational Education Symposium*, 1(1), 19–22.